

Kempen Tahun Baru Cina: Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i

**Tempoh Kempen**

“Kempen Tahun Baru Cina: Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 16 Januari 2019 dan tamat pada 28 Februari 2019, termasuk kedua-dua tarikh tersebut, (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

**Terma & Syarat**

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen (“**T&S**”):-

**Kelayakan**

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia (“**Pelanggan**”) yang telah memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:

- (a) Berumur antara 21 – 60 tahun;
- (b) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Dua Puluh Empat Ribu Ringgit Malaysia setahun;
- (c) Tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB (“**Produk Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i**”)
- (d) Memohon untuk sekurang-kurangnya satu daripada produk berikut semasa Tempoh Kempen untuk tempoh dua hingga lima (2-5) tahun tempoh pembiayaan (“**Tempoh Kemudahan**”):-

	Amaun Kemudahan Diluluskan (RM)	
	Amaun Minima	Amaun Maksima
Pinjaman Peribadi HLB	5,000	250,000
Pembiayaan Peribadi-i HLISB	5,000	150,000
Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB	5,000	250,000
Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB	5,000	150,000

- (e) Kedua-dua Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “**Kemudahan PL**”, manakala kedua-dua Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB dan Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “**Kemudahan PLC**”. (Kedua-dua Kemudahan PL dan Kemudahan PLC akan dikenali sebagai “**Kemudahan**”)

- (f) Permohonon untuk Kemudahan dihantar melalui saluran permohonan berikut:

Saluran	Platforms
Di Luar Talian	Cawangan Bank, Jualan Terus, Jualan Telefon
Laman Sesawang	Laman Sesawang Bank
Connect	Perbankan Internet Hong Leong Connect

- (g) Penyaluran untuk Kemudahan diluluskan oleh pihak Bank selewat-lewatnya pada 31 Mac 2019.

2. Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausa 1 di atas akan dirujuk sebagai "Pelanggan Layak".
3. Berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen:
  - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
  - (b) Pelanggan yang telah dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat.
  - (c) Kakitangan tetap dan mempunyai kontrak dengan Bank.
  - (d) Pelanggan yang memegang lebih daripada satu Kemudahan sedia ada dengan Bank.

### **Mekanik Kempen**

#### **A. Kadar Faedah/Keuntungan dan Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa untuk Kemudahan**

4. Pelanggan Layak yang telah memohon untuk Kemudahan melalui mana-mana satu saluran seperti yang tertakluk di Klausa 1 (f) semasa Tempoh Kempen di mana Kemudahan diluluskan dan disalurkan selewatnya 31 Mac 2019 akan dikenakan kadar faedah/keuntungan dan diberi Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa (rujuk Klausa 7 untuk definisi) mengikut cara yang tertakluk di jadual di bawah, bergantung kepada saluran permohonan, hari permohonan, jenis Kemudahan dan amaun Kemudahan diluluskan:

**Jadual 1:Kadar Faedah/Keuntungan yang Dikenakan dan Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa Berkenaan**

Saluran Permohonan	Jenis Kemudahan	Hari Permohonan	Amaun Kemudahan Diluluskan	Faedah/Keuntungan Tetap yang Dikenakan	Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa Berkenaan	Tempoh Kemudahan
Di Luar Talian	Kemudahan PL	Isnin	RM100,000 dan ke atas*	8.80% p.a.	60%	2 tahun to 5 tahun
	Kemudahan PL	Mana-mana hari dalam minggu	RM5,000 – RM250,000		30%	
	Kemudahan PLC	Mana-mana hari dalam minggu	RM5,000 – RM250,000	n/a	30%	
Laman Sesawang	Kemudahan PL	Isnin	RM100,000 dan ke atas*	8.80% p.a.	60%	
	Kemudahan PL	Mana-mana hari dalam minggu	RM5,000 – RM250,000	6.00% p.a.	Tiada	

	Kemudahan PLC	Mana-mana hari dalam minggu	RM5,000 – RM250,000	Tidak Berkenaan	30%
Connect	Kemudahan PL	Isnin	RM100,000 and above*	8.80% p.a.	60%
	Kemudahan PL	Mana-mana hari dalam minggu	RM5,000 – RM250,000	6.00% p.a.	Tiada

\*Untuk Kemudahan PL yang permohonan dibuat pada hari Isnin di mana amaun Kemudahan PL Diluluskan adalah di bawah RM100,000, Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa yang berkenaan ialah 30%.  
Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif Kemudahan PL berkisar seperti berikut untuk tempoh pinjaman/pembiayaan-i 2-5 tahun:

(i) Kadar rata 8.80% setahun – 15.40% setahun to 16.08% setahun

(ii) Kadar rata 6.00% setahun – 10.85% setahun to 11.13% setahun

- Kadar rata adalah TIDAK berkenaan untuk Kemudahan PLC. Kadar lembaga berkenaan di mana Kadar Faedah/Keuntungan Efektif (“EIR”) atas Kemudahan PLC hendaklah maksimum 2% lebih rendah daripada EIR gabungan atas caj faedah/keuntungan digabungkan untuk baki kemudahan kad kredit dan pembiayaan peribadi sedia ada Pelanggan Layak dengan kadar faedah/keuntungan rata minimum 7.50% setahun.
- Pelanggan Layak yang telah membuat permohonan untuk Kemudahan semasa Tempoh Kempen dimana Kemudahan diluluskan dan disalurkan oleh Bank pada/sebelum 31 Mac 2019 dan membayar ansuran bulanan untuk Kemudahan pada/sebelum tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan (“**Pelanggan Memenuhi Syarat**”) akan layak menerima Rebat Bayar-Tepat-Masa di atas jumlah kadar faedah/keuntungan yang perlu dibayar (“**Rebat**”) seperti mana yang tertakluk di Jadual 1 di atas.
- Rebat akan dibayar setiap bulan kepada Pelanggan Memenuhi Syarat selepas tarikh matang ansuran bulanan bulan ketujuh (7) dan bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum ansuran terakhir untuk Kemudahan (“**Tempoh Rebat**”). **Oleh itu, Tempoh Rebat akan sentiasa 12 bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan.**  
Sebagai contoh, untuk Kemudahan 60 bulan, Tempoh Rebat efektif ialah 48 bulan.
- Sila rujuk jadual dan contoh gambaran di bawah untuk ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk Amaun Kemudahan PL RM20,000 yang diambil sepanjang tempoh 5 tahun dengan Rebat berkenaan 30%:

**Jadual 2: Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk Kemudahan PL diluluskan sebanyak RM20,000 selama tempoh 5 tahun.**

Saluran Permohonan	Amaun Kemudahan PL Diluluskan (RM)*	Tempoh Kemudahan PL (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun) atas Amaun Kemudahan PL Diluluskan (RM)	Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan PL (RM)	Ansuran Bulanan semasa Tempoh Biasa (RM)**
	(a)	(b)	(c)	(d)= a x b x c	(e)=(a+d)/(b x 12)
Di Luar Talian	20,000	5	8.80%	8,800	480

\*0.50% dari amaun Kemudahan PL akan ditolak daripada Kemudahan PL semasa penyaluran untuk duti setem yang perlu dibayar atas Kemudahan PL.

\*\*Ansuran bulanan akan dibundarkan ke atas ke RM5 terdekat.

9. Pengiraan untuk ansuran bulanan yang perlu dibayar selepas Rebat semasa Tempoh Rebat adalah seperti diilustrasikan di bawah:


**Jadual 3: Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan PL diluluskan sebanyak RM20,000 yang diambil sepanjang tempoh 5 tahun (Merujuk kepada Jadual 2 di atas)**

Rebat 30% atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan (RM)	Rebat Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Rebat	Ansuran bulanan selepas Rebat semasa Tempoh Rebat (dibundarkan ke atas ke RM5 terdekat)
(a)	(b) = (a)/Tempoh Rebat	(c) = Ansuran Bulanan – (b)
RM8,800* x 30% = RM2,640	RM2,640/48months = RM55	RM480** – RM55 = RM425

\*Jumlah faedah/keuntungan yang perlu dibayar atas Tempoh Kemudahan seperti yang diilustrasikan di Jadual 2

\*\*Ansuran bulanan yang diilustrasikan di Jadual 2. Ansuran bulanan selepas Rebat akan dibundarkan ke atas ke RM5 terdekat.

Gambaran visual ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan PL diluluskan sebanyak RM20,000 yang diambil sepanjang tempoh 5 tahun dengan Rebat berkenaan 30% sepanjang tempoh Kemudahan:



Nota: Tempoh Rebat diwakili oleh kawasan yang bewarna biru.

10. Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Rebat akan dimaklumkan oleh Bank pada bulan keenam (6) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang dibekalkan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.
11. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Memenuhi Syarat untuk memaklumkan Bank secara bertulis selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan bulan ketujuh (7) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebat bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap sebagai telah menerima Rebat dari Bank dan sebarang pertikaian atau permintaan untuk pembayaran balik Rebat tidak akan dilayan oleh Bank.
12. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Rebat akan dibatalkan dan bayaran Rebat berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
  - a. Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang ansuran bulanan untuk Kemudahan sebelum/pada tarikh matang atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkaitan dengan Kemudahan apabila diminta oleh Bank;
  - b. notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum kematangan Tempoh Kemudahan; atau
  - c. Pelanggan Memenuhi Syarat telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

**B. Lucky Spring Bonanza untuk Kemudahan PLC (“Lucky Spring Bonanza”)**

13. Pelanggan Layak yang telah memohon untuk Kemudahan PLC melalui mana-mana satu saluran permohonan seperti yang tertakluk di Klausula 1 (f) semasa Tempoh Kempen di mana Kemudahan PLC diluluskan dan disalurkan selewatnya 31 Mac 2019 (“Tempoh Bonanza”) akan layak menerima maksima satu (1) peluang untuk menyertai *Lucky Spring Bonanza*.
14. Sepuluh (10) Pelanggan Layak yang telah menerima Kemudahan PLC semasa Tempoh Bonanza akan dipilih secara rawak dan memasuki senarai terpilih pada akhir Tempoh Bonanza (“**Peserta Terpilih**”).
15. Peserta Terpilih akan dihubungi pihak Bank atau Pengurus Pertandingan yang dilantik pihak Bank, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574V) (“**Dynamic Search**”) sebelum 31 Mei 2019 atas dasar usaha terbaik di nombor telefon terkini yang dibekalkan oleh Pelanggan Layak seperti yang terdapat di sistem Bank sebanyak dua kali pada mana-mana masa semasa waktu bekerja (9:00am hingga 5:00pm) untuk sesi jawab soalan (“**Q&A**”) untuk menjawab dua (2) soalan.
16. Oleh itu, ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Layak untuk membekal nombor telefon terkini, sah dan tepat kepada pihak Bank, dan pihak Bank dan/atau Dynamic Search tidak akan bertanggungjawab sekiranya Dynamic Search tidak dapat menghubungi Peserta Terpilih untuk tujuan yang tertakluk di Klausula 15 di atas, untuk apa jua sebab sekalipun.

17. Sekiranya Peserta Terpilih gagal menjawab telefon selepas lima (5) deringan untuk apa jua sebab sekalipun, Peserta Terpilih akan dianggap telah terlepas peluang kemenangan dan pihak Bank atau Dynamic Search mempunyai hak mutlak untuk memilih Pelanggan Layak lain sebagai Pelanggan Terpilih dengan proses yang sama di mana perlu.
18. Tiga (3) Peserta Terpilih pertama yang berjaya menjawab kedua-dua soalan dengan betul akan memenangi Hadiah Bonanza (rujuk Klausu 19 untuk definisi) akan terus diisytiharkan sebagai pemenang pada ketika itu ("**Pemenang**"). Terdapat maxima tiga (3) Pemenang untuk *Lucky Spring Bonanza*.
19. Pemenang *Lucky Spring Bonanza* akan menerima rebat wang tunai bersamaan dengan amaun Kemudahan PLC yang diterima sehingga maksima Sepuluh Ribu Ringgit Malaysia (RM10,000) ("**Hadiah Bonanza**").
20. Hadiah Bonanza akan dikreditkan kepada CASA/-i Hong Leong (seperti didefinisikan di bawah) dimiliki Pemenang yang telah dibekalkan oleh Pemenang dalam lingkungan tiga puluh (30) hari selepas Pemenang dihubungi oleh pihak Bank atau Dynamic Search dan Hadiah Bonanza tidak boleh dipindah hak milik kepada mana-mana pihak ketiga.  
Untuk tujuan inisiatif ini, Pemenang mesti membekalkan nombor akaun aktif akaun semasa/akaun semasa-i atau akaun simpanan/akaun simpanan-i Hong Leong (secara kolektif dirujuk sebagai "**CASA/-i**")
21. Oleh itu, ia merupakan tanggungjawab Pemenang untuk membekalkan nombor akaun CASA/-i Hong Leong yang terkini, sah dan tepat kepada pihak Bank dalam tempoh masa yang berpatutan supaya Hadiah Bonanza boleh dikreditkan kepada Pemenang dalam lingkungan masa tiga puluh (30) hari selepas pemenang dihubungi pihak Bank atau Dynamic Search dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Hadiah Bonanza gagal diterima dan pihak Bank tidak akan membayar balik Hadiah Bonanza kepada pemenang.
22. Sekiranya Pemenang gagal menerima Hadiah Bonanza dalam lingkungan masa yang tertakluk di Klausu 20 di atas, Pemenang harus memaklumkan pihak Bank secara bertulis dalam masa empat puluh lima (45) hari selepas Pemenang dihubungi pihak Bank atau Dynamic Search. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pemenang akan dianggap telah menerima Hadiah Bonanza dan pihak Bank tidak akan memikul sebarang tanggungjawab atas kegagalan menerima Hadiah Bonanza dan pihak Bank tidak akan membayar balik Hadiah Bonanza kepada Pemenang.

### Umum

23. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan dengan ini:
  - i. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk dan Terma dan Syarat Pinjaman Perbadi Hong Leong dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong;
  - ii. bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;

- iii. bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Mac 2019 dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 31 Mac 2019 untuk sebarang sebab sekalipun;
- iv. bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan) adalah muktamad, akhir dan mengikat dan sebarang surat-menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikai keputusan tersebut tidak akan dilayan
- v. bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen;
- vi. setuju dihubungi oleh Pengurus Pertandingan yang dilantik pihak Bank, Dynamic Search Sdn. Bhd. (123657V) melalui telefon;
- vii. setuju bahawa Bank diberi kuasa untuk mendedahkan butiran Pelanggan (iaitu nama dan nombor telefon) kepada Dynamic Search untuk tujuan pengabulan inisiatif Kempen ini; dan
- viii. setuju bahawa Bank diberi kuasa untuk menerbitkan dan memaparkan nama Pelanggan di Laman Sesawang Bank untuk tujuan Kempen.

24. Bank berhak untuk:

- i. menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan sebarang sebab;
- ii. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi-bicara mutlaknyanya;
- iii. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknyanya, dengan memberi notis awal kepada Pelanggan menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- iv. menentukan amaun Hadiah Bonanza mengikut budi bicara mutlaknyanya
- v. meminda dan/atau menggantikan Hadiah Bonanza yang terdapat di sini dengan hadiah alternatif yang bersamaan harga mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan cara memaparkan di Laman Sesawang Bank atau mana-mana cara lain yang dianggap praktikal oleh pihak Bank supaya dapat memberi notis awal kepada Pelanggan.

25. T&S yang terkandung di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

26. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.

27. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
  
28. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan singular termasuk jamak dan sebaliknya.